

D754

U B584 AAB
MAHATHIR - TINDAKAN

KOTA BAHARU, 30 NOV (BERAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESIAPA SAHAJA SAMA ADA DARIPADA PARTI PEMBANGKANG ATAU PEMERINTAH JIKA DIDAPATI MEREKA BERSALAH.

KATANYA, OLEH ITU JIKA TERDAPAT SIASATAN ATAU TINDAKAN TERHADAP SESIAPA SAHAJA, IA ADALAH KERANA TERDAPAT KESALAHAN YANG DILAKUKAN.

+KALAU TIDAK BERSALAH KITA TIDAK AKAN MENGAMBIL TINDAKAN APA-APA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PELANCARAN JENTERA PILIHANRAYA UMNO KELANTAN DI POLITEKNIK KOTA BAHARU, KOK LANAS, DEKAT SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA JIKA ADA TINDAKAN TERHADAP SESIAPA, ITU ADALAH KERANA KESALAHAN BERLAKU, BUKAN KERANA POLITIK ATAU KUASA YANG ADA PADA KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU DUKACITA KERANA BARU-BARU INI ADA DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP +ORANG ITU DAN INI+ KERANA KEPENTINGAN POLITIK. -- LAGI
2013MST 30 11 89

D755

U B585 AAB
MAHAHTIR - TINDAKAN 2 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA MUNGKIN KERANA MEREKA BERSALAH MEREKA AWAL-AWAL LAGI MENDAKWA DEMIKIAN DENGAN HARAPAN KERAJAAN TIDAK TERUS BERTINDAK.

BELIAU MENEGASKAN SESIAPA YANG BERSALAH AKAN MENERIMA TINDAKAN YANG SEWAJARNYA.

KATANYA, KERAJAAN SANGGUP MENGAMBIL TINDAKAN YANG +KURANG POPULAR+ SEUMPAMA ITU, JIKA SESUATU KEADAAN ITU MEMERLUKAN SIASATAN ATAU TINDAKAN.

BELIAU BERKATA TINDAKAN TERSEBUT ADALAH DEMI KEPENTINGAN DAN KESEJAHTERAAN PENTADBIRAN NEGARA.

TINDAKAN ITU JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN), YANG DITERAJUI OLEH UMNO, MERUPAKAN KERAJAAN YANG ADIL, -- LAGI
2015MST 30 11 89

D765

U B592 AAB
MAHATHIR - TINDAKAN 3 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEKARANG YANG DITERAJUI OLEH UMNO INGIN MELIHAT NEGARA AMAN, MAKMUR DAN STABIL.

BELIAU BERKATA +KE MANA-MANA KITA PERGI, TERMASUK DI LUAR NEGERI, KITA MENGUMUMKAN TENTANG KEADAAN INI KEPADA PELABUR ASING SUPAYA MEREKA DATANG KE INI MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT.+

KATANYA: +KITA HENDAK KEPADA KEADILAN DAN KEMAKMURAN TETAPI TIDAK RELA DIUGUT.+

BELIAU BERKATA UMNO BERDIRI DI ATAS KEADILAN DAN PENTADBIRAN YANG DITERAJUI UMNO TERKENAL DI SELURUH DUNIA.

+BILA ADIL KADANG-KADANG KITA TERPAKSA MENJATUHKAN HUKUMAN KEPADA SESIAPA YANG MENIMBULKAN MASALAH.+

BELIAU BERKATA OLEH ITU UMNO MEMERLUKAN SOKONGAN ORANG MELAYU DAN JUGA BUKAN MELAYU DEMI MENGEKALKAN KEMAKMURAN DAN KEADILAN YANG SEDIA ADA. -- BERNAMA
2034MST 30 11 89